
Ruj : KOPTG/132/SURAT/2019 JLD 2(20)
Tarikh : 11 Mac 2026

Dekan/Ketua Jabatan
Fakulti Perakaunan/ Fakulti Pengurusan
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN MENCADANGKAN CALON BAGI MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN
EKSEKUTIF KEWANGAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.


2. Dimaklumkan bahawa pihak Koperasi Pegawai Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Kuala Lumpur Berhad (KOPTG) kini membuka peluang pekerjaan bagi mengisi kekosongan jawatan dalam bidang **Perakaunan/ Kewangan** di koperasi ini.

3. Sehubungan itu, pihak tuan/puan dipohon untuk memanjangkan hebahan berkaitan kekosongan jawatan tersebut kepada para graduan lepasan institusi tuan/puan yang berkelayakan serta berminat untuk memohon jawatan berkenaan. Cadangan pelajar yang sedang menjalani latihan industri (*internship*) dalam bidang berkaitan juga amat dialu-alukan.

4. Pihak KOPTG amat mengalu-alukan sekiranya pihak tuan/puan dapat mencadangkan calon-calon yang bersesuaian untuk dipertimbangkan bagi mengisi kekosongan jawatan tersebut. Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, salam hormat.

Saya yang menjalankan Amanah,



YATI BINTI MUSA
Pengerusi
KOPTG KL Berhad